PENDAKWA RAYA

lwn.

LCY HOLDINGS SDN. BHD.

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ABDUL AZIZ MOHAMAD H
[RAYUAN JENAYAH NO. 41-216-1990]
28 OKTOBER 1991

TAFSIRAN STATUT: *Pentafsiran statut - Makna "any contributions", "due and payable to the board", "may", "shall" - Makna literal - Maksud perundangan subs.(4) baru - Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951, ss. 16A(1)(c), (3), (4).*

UNDANG-UNDANG BURUH: *Kegagalan majikan membayar caruman - Bayaran tertunggak - Sama ada s. 16A(4) membolehkan perintah bayaran bagi amaun dan orang yang lain daripada yang terlibat - Rayuan terhadap perintah Majistret - Perakuan pegawai Lembaga Kumpulan Wang - Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951, ss. 16A(1)(c), (3), (4).*

Ini adalah satu rayuan dari Pendakwa Raya terhadap keputusan Majistret pada 10 Ogos 1990 yang telah mendapati responden L bersalah atas dua kesalahan di bawah s. 16A(1)(c) Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951 (Akta tersebut). Ini adalah atas kegagalan L membayar kepada KWSP dua amaun berjumlah RM60 setiap satu dalam tempoh yang ditetapkan bagi seorang pekerja untuk bulan Januari dan Februari 1989.

Semasa perbicaraan di Mahkamah Majistret Pendakwa Raya juga telah mengemukakan perakuan seorang pegawai berkuasa Lembaga Kumpulan Wang yang telah mengesahkan bahawa terdapat jumlah sebanyak RM9,542 yang kena dibayar oleh L bagi pekerja-pekerja lain bagi tempoh Julai 1988 hingga Mac 1989 dan memohon supaya Tuan Majistret membuat satu perintah di bawah s. 16A(4) Akta tersebut supaya L membayar amaun yang diperakukan itu. Majistret hanya memerintahkan bayaran sebanyak RM120 kerana pada pendapat Tuan Majistret, s. 16A(4) tidak membolehkan dibuat perintah untuk bulan-bulan dan pekerja-pekerja yang lain daripada bulan-bulan dan pekerja-pekerja yang terlibat dalam tuduhan yang seseorang majikan itu didapati bersalah. Majistret yang bijaksana itu mentafsirkan kata-kata "any contributions" dalam subseksyen itu sebagai terhad kepada caruman yang terlibat dalam tuduhan sahaja.

Persoalan untuk diputuskan dalam rayuan ini ialah adakah s. 16A(4) membolehkan dibuat perintah bayaran bagi amaun-amaun yang berkaitan dengan orang-orang dan bulan-bulan yang lain daripada orang-orang dan bulan-bulan yang terlibat dalam tuduhan di hadapan Mahkamah.

Diputuskan:

[1] Subseksyen (4) s. 16A Akta tersebut merupakan satu peruntukan yang diperkenalkan oleh Akta KWSP (Pindaan) 1980 (Akta A487) sebagaimana dipinda kemudiannya oleh Akta KWSP (Pindaan) 1986 (Akta A642). Bagi tujuan rayuan ini pindaan oleh Akta A642 tidak material dan subs. (4) yang diperkenalkan oleh Akta A487 adalah dirujuk yang mula berkuatkuasa pada 30 Mei 1980.

[2] Di bawah subs. (4) baru, perkara memerintahkan bayaran caruman dan dividen adalah perkara wajib yang jelas dari penggunaan perkataan "may" dalam subs. (4) lama dan perkataan "shall" dalam subs. (4) baru.

[3] Juga berlainan dengan subs. (4) lama, subs. (4) baru mewajibkan perintah bayaran berbangkit apabila seseorang itu didapati bersalah atas kesalahan di bawah s. 16A(1)(c) sahaja, iaitu kegagalan membayar caruman dalam masa yang ditetapkan.

[4] Di bawah subs. (4) baru amaun caruman dan dividen yang wajib diperintahkan oleh Mahkamah supaya dibayar bukan sahaja sebagaimana diperakui oleh pegawai Lembaga Kumpulan Wang sebagai kena dibayar yang diperuntukan (di bawah subs. (4) lama) tetapi mestilah juga "due and payable to the board". Syarat tambahan ini bererti ini membawa implikasi bahawa ketepatan perakuan itu boleh dicabar.

[5] Tujuan badan perundangan dalam subs. (4) baru itu ialah untuk mengadakan satu cara yang mudah dan berkesan untuk mendapatkan bayaran caruman-caruman yang ingkar dibayar daripada seseorang majikan dan maksud disebalik peruntukan itu ialah untuk melindungi kepentingan kewangan pekerja-pekerja.

[6] Lembaga kumpulan wang ialah satu badan berkanun yang diamanahkan dengan tugas mentadbir dan menguatkuasakan Akta KWSP 1951 untuk kepentingan pekerja-pekerja dan subs. (4) mencerminkan keyakinan tentang kecekapan pentadbiran, penyimpanan rekod dan perakaunan lembaga itu. Sekiranya Lembaga Kumpulan Wang mendakwa ada tunggakan yang belum dibayar dakwaan itu boleh secara umumnya dipercayai. Juga tidak ada apa-apa ketidakadilan dalam memaksa seseorang majikan membayar tunggakan caruman-caruman berasaskan perakuan seorang pegawai berkuasa terutamanya jika majikan itu tidak atau tidak dapat mempertikaikan perakuan itu.

[7] Adalah perlu untuk mencari ketika (occasion) yang sesuai untuk Mahkamah membuat perintah bayaran dan ketika yang difikirkan sesuai oleh badan perundangan ialah apabila seseorang majikan didapati bersalah kerana gagal membayar sesuatu caruman tertentu.

[8] Jika seseorang majikan itu merasakan sesuatu perakuan di bawah subs. (4) itu adalah tidak tepat atau atas sebab undang-undang, dia tidak berkewajipan membayar caruman-caruman yang dituntut dia boleh mempertikaikan perakuan itu, dan Majistret yang berkenaan perlulah memutuskan pertikaian itu dahulu sebelum membuat perintah bayaran. Rayuan boleh dibuat terhadap perintah bayaran yang dibuat atas perakuan itu dan hak membuat rayuan membawa implikasi kemungkinan ada pertikaian diperingkat mula tentang kewajipan membayar.

[9] Memandangkan bahawa caruman-caruman yang tertunggak adalah berupa hutang yang terhutang kepada pekerja-pekerja maka perintah bayaran itu adalah satu cara untuk mendapatkan bayaran hutang sahaja dan bukan satu perintah hukuman. Oleh sebab cara untuk menguatkuasakan bayaran yang diperintahkan adalah sama seperti cara menguatkuasakan hukuman denda tidak menjadikan perintah bayaran itu bersifat sebagai hukuman.

[10] Adalah jelas bahawa caruman-caruman yang dimaksudkan oleh kata-kata "any contributions" dalam subs. (4) lama tidak semestinya ada kena mengena dengan tuduhan yang berkenaan.

[11] Skop yang perlu diberi kepada erti kata-kata "any contributions" dalam subs. (4) baru adalah walaupun tuduhan yang berkenaan mungkin tidak ada berkaitan dengan kegagalan membayar mana-mana caruman tertentu namun begitu Mahkamah boleh memerintahkan bayaran caruman-caruman yang gagal dibayar oleh majikan yang disabitkan seperti dalam subs. (4) lama kerana tidak ada sesuatu dalam subs. (4) baru itu yang menunjukkan niat yang berlainan.

[12] Kata-kata "any contributions ... due and payable ... and certified ... to be due ... prior to the date of ... finding of guilt" dalam subs. (4) yang baru dan "any contributions" bererti "whatever contributions" dan mempunyai efek sebagai "all contributions". Caruman-caruman yang dimaksudkan adalah semua caruman lalu yang majikan yang berkenaan masih lagi terhutang pada masa dia didapati bersalah atas kesalahan yang dituduh dan makna literalnya adalah jelas. Melainkan jika ada sesuatu yang tidak secocok dengannya makna literal itu hendaklah diberikan efek.

[13] Sekiranya maksud subs. (4) ialah untuk menghadkan caruman kepada apa yang terlibat dalam tuduhan sahaja maka tidak ada perlunya perakuan yang diperuntukkan oleh subs. (4) itu kerana caruman yang terlibat dalam tuduhan itu akan dinyatakan amaunnya dalam tuduhan itu sendiri.

[Rayuan dibenarkan; Kes dihantar balik ke Majistret untuk membuat perintah sewajarnya di bawah s. 16A(4).]

Perundangan yang dirujuk:
Employees Provident Fund Act 1951, ss. 16A(1)(c), (3), (4)

PENGHAKIMAN

Abdul Aziz Mohamad H:

Responden, LCY Holdings Sdn. Bhd., telah didapati bersalah pada 10 Ogos 1990 atas dua kesalahan di bawah s. 16A(1)(c) Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kumpulan Wang) dalam tempoh yang ditetapkan dua amaun, tiap-tiap satunya sebanyak RM60, yang ia kena bayar berkaitan dengan seorang pekerja bagi bulan Januari dan Februari 1989. Ia telah didenda RM1,000 atas setiap kesalahan.

Pegawai pendakwa telah mengemukakan perakuan seorang pegawai berkuasa Lembaga Kumpulan Wang, yang mengesahkan jumlah amaun caruman yang kena dibayar oleh responden bagi pekerja-pekerja lain bagi tempoh Julai 1988 hingga Mac 1989. Menurut petisyen rayuan Pendakwa Raya, amaunnya ialah RM9,542. Dalam alasan penghakimannya, Majistret yang bijaksana berkata bahawa wakil responden tidak mempersoalkan ketepatan perakuan itu. Namun begitu beliau enggan membuat perintah di bawah s. 16A(4) Akta itu supaya responden membayar amaun yang diperakukan itu. Beliau hanya memerintahkan bayaran sebanyak RM120, iaitu amaun yang terlibat dalam kedua-dua tuduhan di hadapannya. Beliau berpendapat s. 16A(4) tidak membolehkan dibuat perintah untuk bulan-bulan dan pekerja-pekerja yang lain daripada bulan-bulan dan pekerja-pekerja yang terlibat dalam tuduhan yang seseorang majikan itu didapati bersalah.

Seksyen 16A(4) berbunyi seperti berikut:

> (4) Upon being found guilty on any offence under para (c) of subsection (1) of s. 16A of this Ordinance, the court before which the employer is found guilty shall order such employer to pay to the board the amount of any contributions, together with any dividend credited thereon, due and payable to the board and certified by an officer authorised by the board to be due from such employer prior to the date of such finding of guilt and such contributions shall be recoverable in the same manner as a fine; and any order made under this subsection shall be appealable as if it were an order for payment of compensation under s. 426 of the Criminal Procedure Code.

Majistret yang bijaksana itu mentafsirkan kata-kata "any contributions" dalam subseksyen itu sebagai terhad kepada caruman yang terlibat dalam tuduhan sahaja. Juga, beliau berpendapat bahawa perintah di bawah subseksyen itu merupakan suatu hukuman. Oleh itu beliau tidak dapat membuat perintah berkenaan sesuatu amaun caruman yang berkenaannya responden tidak dituduh.

Pendakwa Raya merayu terhadap keengganan Majistret yang bijaksana itu memerintahkan bayaran sebanyak RM9,542 yang dituntut itu.

Responden pula merayu terhadap amaun denda yang dikenakan ke atasnya, tetapi saya sudahpun menolak rayuan itu.

Maka persoalan yang saya perlu putuskan sekarang dalam rayuan ini ialah, adakah s. 16A(4) membolehkan dibuat perintah bayaran bagi amaun-amaun yang berkaitan dengan orang-orang dan bulan-bulan yang lain daripada orang-orang dan bulan-bulan yang terlibat dalam tuduhan di hadapan Mahkamah.

Sebagaimana dibaca tadi, subs. (4) s. 16A itu ialah suatu peruntukan yang diperkenalkan oleh Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1980 (Akta A487) sebagaimana dipinda kemudiannya oleh Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1986 (Akta A642). Pindaan yang dibuat oleh Akta A642 itu adalah tidak material bagi rayuan ini. Subs. (4) yang diperkenalkan oleh Akta A487 itu mula berkuatkuasa pada 30 Mei 1980. Sebelum itu, subs. (4) berbunyi seperti berikut:

> (4) The court before which any person is convicted of an offence under this Ordinance may, without prejudice to any right under s. 17 of this Ordinance, order such person to pay to the fund the amount of any contributions, together with any interest due thereon, certified by the Accountant of the Board to be due from such person to the fund at the date of such conviction, and such amount may be recovered in the same manner as a fine; and any order made under this sub-section shall be appealable as if it were an order for payment of compensation under s. 426 of the Criminal Procedure Code of the Federated Malay States or s. 452 of the Criminal Procedure Code of the Straits Settlements.

Satu perbezaan penting di antara subs. (4) lama dan subs. (4) baru ialah bahawa, di bawah subs. (4) lama, perkara memerintahkan bayaran caruman dan faedah suatu perkara budi bicara, manakala di bawah subs. (4) baru, perkara memerintahkan bayaran caruman dan dividen adalah perkara wajib. Ini jelas daripada penggunaan perkataan "may" dalam subs. (4) lama dan perkataan "shall" dalam subs. (4) baru.

Satu lagi perbezaan penting ialah bahawa, di bawah subs. (4) lama, budi bicara memerintahkan bayaran berbangkit apabila seseorang itu disabitkan atas apa jua kesalahan di bawah Akta itu, manakala di bawah subs. (4) baru, kewajipan memerintahkan bayaran berbangkit apabila seseorang itu didapati bersalah atas kesalahan di bawah s. 16A(1)(c) sahaja, iaitu kesalahan gagal membayar caruman dalam masa yang ditetapkan.

Juga satu lagi perbezaan penting ialah bahawa, menurut subs. (4) lama, amaun caruman dan faedah yang Mahkamah berkuasa memerintahkan supaya di bayar ialah amaun yang diperakui oleh Akauntan Lembaga Kumpulan Wang sebagai amaun yang kena dibayar, tetapi, menurut subs. (4) baru, amaun caruman dan dividen yang Mahkamah wajib memerintahkan supaya dibayar bukanlah sahaja sebagaimana diperakui oleh pegawai Lembaga Kumpulan Wang sebagai kena dibayar, tetapi mestilah juga "due and payable to the Board". Syarat tambahan itu, pada pendapat saya, bererti bahawa perakuan pegawai Lembaga sahaja tentang amaun yang kena dibayar adalah tidak memadai, tetapi amaun itu mestilah juga sebenarnya "due and payable" kepada Lembaga, yang jelas membawa implikasi bahawa ketepatan perakuan itu bolehlah dicabar.

Baiklah saya mengambil kesempatan untuk menyebut juga satu perbezaan yang tidak material, iaitu perkataan-perkataan "without prejudice to any right under s. 17 of this Ordinance", yang mengkualifikasikan kuasa memerintahkan bayaran di bawah subs. (4) lama, telah tidak dibawa ke dalam subs. (4) baru. Saya berpendapat bahawa sebabnya adalah semata-mata kerana perkataan-perkataan itu adalah tidak perlu memandangkan s. 17 itu, yang memberikan hak menuntut bayaran caruman sebagai hutang sivil, sudahpun mengandungi perkataan-perkataan "without prejudice to any other remedy", yang berkemampuan memberi erti bahawa caruman yang berhutang boleh dituntut melalui guaman sivil dan boleh juga dituntut di bawah subs. (4) s. 16A.

Dari tinjauan perbezaan-perbezaan itu, adalah jelas tidak ada perbezaan di antara subs. (4) lama dan baru tentang apa-apa aspek yang menyentuh persoalan yang berbangkit dalam rayuan ini, iaitu, bagi bulan-bulan dan orang-orang manakah bayaran caruman sah diperintahkan. Jika, sebelum 30 Mei 1980, seseorang majikan disabitkan atas kesalahan di bawah s. 16A(1)(c), sebagaimana dalam kes ini, dan Mahkamah hendak menggunakan budi bicaranya membuat perintah bayaran di bawah subs. (4) lama, soalnya masih juga sama ada Mahkamah boleh memerintahkan bayaran caruman bagi bulan-bulan dan orang-orang lain, sebagaimana juga soalnya berbangkit sekarang, apabila Mahkamah diwajibkan membuat perintah di bawah subs. (4) baru.

Kedudukan itu perlu dijelaskan oleh kerana, dalam hujahnya, Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana berkata bahawa subs. (4) baru itu telah diperkenalkan untuk mengatasi dua keputusan Mahkamah Tinggi, iaitu keputusan Chang Min Tat J. dalam kes *Chin Kap Seng v. Public Prosecutor* (Penang Criminal Appeal No. 20/67) dan keputusan Azmi J. (sebagaimana beliau pada masa itu) dalam kes *Hock Soon Seng v. Public Prosecutor* (Perak Criminal Appeal No. 105/62). Kedua-dua kes itu tidak dilaporkan. Dalam kes *Chin Kap Seng*, Chang Min Tat J. memutuskan bahawa perintah bayaran caruman di bawah subs. (4), iaitu subs. (4) lama, hendaklah dihadkan kepada caruman yang berkaitan dengan bulan-bulan dan orang-orang yang terlibat dalam tuduhan. Saya tidak diberikan penghakiman dalam kes *Hock Soon Seng*, tetapi kes itu disebut dalam kes *Chin Kap Seng* dan Chang Min Tat J. bersetuju dengan keputusan dalam kes itu.

Apa yang dikatakan oleh Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu adalah jelas tidak tepat, oleh kerana, sebagaimana saya nyatakan tadi, tidak terdapat perbezaan di antara subs. (4) lama dan baru dalam apa-apa aspek yang menyentuh isu yang berbangkit dalam rayuan ini. Ertinya, andaikata peruntukan yang ditimbangkan oleh Chang Min Tat J. dalam kes *Chin Kap Seng* ialah subs. (4) baru dan bukan subs. (4) lama, tidak terdapat apa-apa pun dalam subs. (4) baru itu yang saya jangka, memandang kepada sebab-sebab bagi keputusan beliau, akan menghasilkan keputusan yang berlainan tentang isu itu.

Majistret yang bijaksana itu telah mengikut keputusan dalam kes *Chin Kap Seng* walaupun pegawai pendakwa telah merujuk kepada keputusan sebaliknya oleh Shanker J. dalam kes *Public Prosecutor v. Syarikat Soon Seng Electrical Work* (Selangor Ulangbicara Jenayah Bil. 51-39-88).

Dalam kes *Chin Kap Seng* itu, sebabnya Chang Min Tat J. memutuskan tidak boleh memerintahkan bayaran caruman bagi pekerja-pekerja dan bulan-bulan yang tidak terbabit dalam tuduhan di hadapan Mahkamah ialah kerana membuat perintah sedemikian adalah seakan-akan mengambil kira kesalahan-kesalahan lain atas permintaan pihak pendakwaan, sedangkan prosedur bagi langkah seumpama itu tidak wujud di negara ini.

Adalah jelas kepada saya bahawa tujuan badan perundangan dalam subs. (4) baru itu ialah untuk mengadakan satu cara yang mudah dan berkesan untuk mendapatkan bayaran caruman-caruman yang ingkar dibayar daripada seseorang majikan. Saya bersetuju dengan Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana bahawa maksud di sebalik peruntukan itu ialah untuk melindungi kepentingan kewangan pekerja-pekerja. Lembaga Kumpulan Wang ialah suatu badan berkanun yang diamanahkan dengan tugas mentadbir dan menguatkuasakan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951 untuk kepentingan pekerja-pekerja. Subseksyen (4) itu mencerminkan keyakinan tentang kecekapan pentadbiran, penyimpanan rekod dan perakaunan Kumpulan Wang. Dengan adanya kecekapan itu, sekiranya Lembaga Kumpulan Wang mendakwa ada tunggakan yang belum dibayar, dakwaan itu bolehlah, secara umumnya, dipercayai. Caruman-caruman adalah bayaran yang dikenakan dan dikawalselia (regulated) oleh statut dan adalah kena dibayar bagi manfaat pekerja-pekerja sebagai hutang statutori. Kecuali dalam kes-kes yang jarang sekali berlaku, tanggungan membayar caruman sebagaimana dituntut oleh Lembaga tidak dapat dipertikaikan. Maka mengikut apa yang saya jangka sebagai pemikiran dasar di sebalik peruntukan itu, tidak ada apa-apa ketidakadilan dalam memaksa seseorang majikan membayar tunggakan caruman-caruman berasaskan perakuan seseorang pegawai berkuasa, lebih-lebih lagi jika majikan itu tidak, atau tidak dapat mempertikaikan perakuan itu, sebagaimana berlaku dalam kes ini. Apa yang perlu ialah mencari ketika (occasion) yang sesuai untuk Mahkamah membuat perintah bayaran, dan ketika yang difikirkan sesuai oleh badan perundangan ialah apabila seseorang majikan didapati bersalah kerana gagal membayar sesuatu caruman tertentu. Itu adalah yang saya nampak sebagai pemikiran dasar di sebalik peruntukan subs. (4) itu.

Sekiranya seseorang majikan itu merasakan sesuatu perakuan di bawah subs. (4) itu adalah tidak tepat atau, atas sesuatu sebab, undang-undang, dia tidak berkewajipan membayar caruman-caruman yang dituntut, dia boleh mempertikaikan perakuan itu, dan Majistret yang berkenaan perlulah memutuskan pertikaian itu dahulu sebelum membuat perintah bayaran. Saya berpendapat perakuan itu boleh dipertikaikan oleh kerana, baik di bawah subs. (4) lama mahupun di bawah subs. (4) baru, rayuan boleh dibuat terhadap perintah bayaran yang dibuat atas perakuan itu. Hak membuat rayuan membawa implikasi kemungkinan ada pertikaian di peringkat mula tentang kewajipan membayar, yang semestinyalah pertikaian tentang perakuan itu. Selain daripada sebab itu, di bawah subs. (4) baru, sebagaimana telah saya nyatakan tadi, penambahan perkataan-perkataan "due and payable to the board" dalam subseksyen itu jelas membawa implikasi bahawa ketepatan perakuan itu bolehlah dicabar. Shanker J., dalam kes *Syarikat Soon Seng Electrical Work* yang disebut tadi, juga berpendapat perakuan itu boleh dicabar, tetapi atas sebab lain. Dengan adanya kebolehan mencabar atau mempertikaikan sesuatu perakuan di bawah subs. (4) itu, tidak seharusnyalah berbangkit apa-apa kecurigaan sekiranya subs. (4) itu ditafsirkan - sebagaimana saya berpendapat ia sepatutnya ditafsirkan - sebagai mengadakan satu cara yang mudah dan efektif bagi mendapatkan dari seseorang majikan bayaran segala caruman yang terhutang dan tidak hanya caruman bagi pekerja dan bulan yang terlibat dalam tuduhan yang majikan itu didapati bersalah.

Memandangkan bahawa caruman-caruman yang tertunggak adalah berupa hutang yang terhutang kepada pekerja-pekerja, maka dengan hormatnya saya tidak dapat menyertai pendapat Hakim yang arif dalam kes *Chin Kap Seng* bahawa memerintahkan bayaran caruman-caruman itu adalah seakan-akan mengambil kira kesalahan-kesalahan lain, dan saya berpendapat Majistret yang bijaksana itu silap dalam menganggap perintah bayaran itu sebagai suatu hukuman. Perintah bayaran itu adalah semata-mata satu cara untuk mendapatkan bayaran hutang sahaja. Bahawasanya cara untuk menguatkuasakan bayaran yang diperintahkan adalah sama seperti cara menguatkuasakan hukuman denda tidaklah menjadikan perintah bayaran itu bersifat sebagai hukuman.

Bahawasanya caruman yang boleh perintahkan bayarannya di bawah subs. (4) adalah tidak terhad kepada caruman-caruman yang terlibat dalam tuduhan di hadapan Mahkamah sahaja akan menjadi jelas apabila difikirkan bahawa, di bawah subs. (4) lama, sabitan bagi apa-apa kesalahan jua akan membangkitkan budi bicara memerintahkan bayaran tungakan dan bukan hanya sabitan kerana kesalahan gagal membayar caruman, sebagaimana kedudukannya sekarang di bawah subs. (4) baru. Di bawah subs. (4) lama, kesalahan yang berkenaan mungkin sesuatu yang tidak melibatkan kagagalan membayar caruman, tetapi Mahkamah masih berkuasa memerintahkan bayaran caruman-caruman yang terhutang. Dari itu adalah jelas bahawa caruman-caruman yang dimaksudkan oleh kata-kata "any contributions" dalam subs. (4) lama tidak semestinya ada kena-mengena dengan tuduhan yang berkenaan. Walaupun tuduhan yang berkenaan mungkin tidak ada kena-mengena dengan kegagalan menbayar mana-mana caruman tertentu, namun begitu, di bawah subs. (4) lama, Mahkamah boleh memerintahkan bayaran caruman-caruman yang gagal dibayar oleh majikan yang disabitkan. Skop yang sama mestilah diberi kepada erti kata-kata "any contributions" dalam subs. (4) baru oleh kerana tidak ada sesuatu dalam subs. (4) baru itu yang menunjukkan niat yang berlainan.

Dalam subs. (4) lama, kata-kata yang digunakan untuk memperihalkan caruman-caruman yang boleh diperintahkan bayarannya ialah "any contributions ... certified ... to be due ... at the date of ... conviction". Dalam subs. (4) baru, kata-katanya ialah "any contributions ... due and payable ... and certified ... to be due ... prior to the date of ... finding of guilt". Kata-kata "any contributions", pada fikiran saya, bererti "whatever contributions" dan mempunyai efek sebagai "all contributions". Caruman-caruman yang dimaksudkan adalah semua caruman lalu yang majikan yang berkenaan masih lagi terhutang pada masa dia didapati bersalah atas kesalahan yang dituduh. Makna literalnya adalah jelas. Jika badan perundangan bermaksud kata-kata itu diberikan tafsiran yang terbatas, ia tentu akan dengan nyatanya (expressly) berbuat demikian, memandangkan kepada betapa jelasnya makna literal itu. Melainkan ada sesuatu yang tidak secocok dengannya, makna literal itu hendaklah diberikan efek. Segala apa yang saya katakan sebelum ini ialah untuk menunjukkan bahawa tidak terdapat apa pun yang tidak secocok dengan makna literal itu tetapi, sebaliknya, segala pertimbangan adalah bersesuaian dengannya.

Satu lagi sebab bagi pendapat saya ialah, sebagaimana dihujahkan oleh Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana, sekiranya maksud subs. (4) ialah untuk menghadkan caruman kepada apa yang terlibat dalam tuduhan sahaja, maka tidak ada perlunya perakuan yang diperuntukkan oleh subseksyen itu, oleh kerana caruman yang terlibat dalam tuduhan itu akan dinyatakan amaunnya dalam tuduhan itu sendiri.

Majistret yang bijaksana itu telah merujuk kepada satu hujah Hakim yang arif dalam kes *Chin Kap Seng* itu yang bersandarkan kepada subs. (3) s. 16A, yang membolehkan seseorang majikan dituduh dalam satu perbicaraan dengan sebanyak tiga puluh enam kesalahan di bawah perenggan (c) subs. (1). Menurut Hakim yang arif itu, peruntukan itu memperkukuhkan lagi pendapatnya. Pemikirannya ialah bahawa, jika terdapat banyak kegagalan bagi banyak pekerja, majikan yang berkenaan sepatutnya dituduh atas tiap-tiap satu kegagalan sekiranya Lembaga Kumpulan Wang hendak memungut semua caruman yang terhutang, dan tindakan itu tidak seharusnya membebankan dengan adanya kemudahan yang diberi oleh subs. (3) itu. Pada pandangan saya, kemudahan di bawah subs. (4) ialah kemudahan mendapatkan bayaran caruman yang tertunggak, manakala kemudahan di bawah subs. (3) ialah kemudahan mendakwa untuk mendapatkan hukuman. Sambil menghormati pendapat Hakim yang arif itu, saya berpendapat kemudahan di bawah subs. (3) tidak seharusnya ditafsirkan supaya menjejaskan

kemudahan di bawah subs. (4). Subseksyen (3) tidak ada hubung-kait yang mesti dengan subs. (4). Dengan melihat kepada subs. (3), tidaklah boleh dikatakan bahawa subs. (4) mempunyai maksud yang terhad. Pemahaman saya tentang subs. (4) adalah tidak bercanggah dengan subs. (3). Itu semua adalah soal keutamaan sahaja - sama ada keutamaan Lembaga ialah memungut tunggakan atau mendera majikan. Jika keutamaannya ialah mendera majikan, Lembaga Kumpulan Wang boleh menuduh bagi setiap kegagalan, dengan menggunakan kemudahan subs. (3), dan memungut tunggakan bagi setiap kesalahan. Tetapi jika Lembaga tidak begitu minat untuk mendera majikan, Lembaga ada pilihan menuduh majikan atas satu atau dua tuduhan sahaja dan memungut apa jua tunggakan di bawah subs. (4). Bagi Lembaga, saya percaya keutamaannya ialah memungut tunggakan caruman oleh kerana ianya akan berfaedah bagi kepentingan pekerja-pekerja. Hukuman atau deraan adalah semata-mata sebagai pencegahan sahaja. Fikirkanlah betapa beratnya kepada seseorang majikan jika dia hendak dikenakan hukuman bagi setiap kesalahan supaya Lembaga dapat memungut semua tunggakan.

Atas sebab-sebab yang diberikan itu, saya membuat kesimpulan bahawa perintah yang hendak dibuat di bawah subs. (4) tidaklah terhad kepada caruman-caruman yang terlibat dalam tuduhan yang berkenaan sahaja, tetapi termasuklah caruman-caruman bagi bulan-bulan dan orang-orang lain yang tidak terlibat dalam tuduhan. Saya membenarkan rayuan Pendakwa Raya dan memerintahkan supaya kes ini dihantar balik kepada Majistret yang berkenaan untuk membuat perintah sewajarnya di bawah subs. (4).

Also found at [1991] 3 CLJ 2812